

K-tangan2 Islam SIA dekati masyarakat

16 JUL 1983
PERHATIAN para kakitangan Islam Syarikat Penerbangan Singapura (SIA) terhadap kepentingan atau keperluan-keperluan orang-orang Islam kini semakin ketara.

Sempena dengan kemunculan bulan haji tidak lama lagi, misalnya, sebuah badan Islam di syarikat itu telah beruraura untuk mengusahakan agar pesawat-pesawat SIA yang mengangkut para jemaah ke Tanah Suci, menyediakan peralatan-peralatan untuk makan yang boleh digunakan oleh orang Islam.

Ini adalah untuk mengelakkan para jemaah tersebut dari menggunakan peralatan-peralatan seperti pinggan-mangkuk atau sudu-garpu yang tidak boleh digunakan oleh orang Islam, kerana ia telah digunakan untuk makanan-makanan yang tidak halal dan tidak disertu.

Timah

Sebelum ini, menerusi ihsan para kakitangan kabin dan lain-lain pekerja Islam syarikat tersebut, SIA telah menyediakan makanan-makanan untuk para penumpang Islam yang menuju ke Tanah Suci dalam bungkusan yang dibuat dari timah dan bukan pinggan-mangkuk yang maksudkan itu.

Kini, Jawatankuasa Musafir, sebuah badan yang terdiri dari para pekerja kabin dan teknikal Islam SIA, ingin berusaha agar pihak syarikat itu dapat menyediakan sudu-garpu yang dibuat dari plastik pula untuk para jemaah tersebut.

Di samping itu, jawatankuasa tersebut juga bercadang untuk turut memainkan peranan dengan memberi sumbangan sukarela kepada Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) semasa Muis menguruskan penerbangan jemaah haji ke Mekah tahun ini.

Menurut seorang anggota jawatankuasa tersebut, Encik Noor Abdul Latiff, Muis telah menyuarakan agar para pegawai Islam SIA dapat digunakan untuk mengawal saudaramara jemaah dan menunjukkan haluan untuk menaiki kapal terbang bagi para jemaah di lapangan terbang.

Perkhidmatan itu diperlukan memandangkan bahawa para pegawai SIA telah pun memiliki pas dan boleh bergerak secara bebas di lapangan terbang itu.



● ISTERI Haji Mansor Haji Sukaimi, Hajah Zaiton binti Haji Hussein, sedang menyampaikan cendera mata berupa piala kepada seorang anggota Jawatankuasa Musafir, Encik Abdullah bin Abdul Latiff, selaku pengarang makalah Musafir yang diterbitkan kira-kira dua bulan sekali di majlis tersebut, di Hotel Holiday Inn pada Khamis lalu.

Jawatankuasa Musafir sendiri, menurut Encik Noor, berhasrat untuk memberikan perkhidmatan itu dan sejauh ini lapan orang anggotanya telah bersetuju untuk bertugas.

Beliau menerangkan lagi bahawa para jemaah yang biasanya menggunakan perkhidmatan SIA untuk ke Mekah adalah dari Brunei.

Buat pertama kali pada tahun ini, kata beliau, SIA akan mengadakan satu penerbangan berjadual untuk para jemaah dari Singapura ke Dharan dan Jeddah.

Sebagai usaha menyumbangkan lagi baktinya kepada masyarakat Islam, jawatankuasa itu pada Khamis lalu juga telah mengadakan majlis penyampaian derma berjumlah \$1,500 untuk Yayasan Mendaki.

Derma itu telah disampaikan kepada Setiausaha Yayasan Mendaki dan Anggota Parlimen (Kembangan), Haji Mansor Haji Sukaimi, di Holiday Inn.



ENCIK NOOR

Jawatankuasa tersebut telah ditubuhkan sejak 10 tahun lalu dengan nama Persatuan Anggota-Anggota Islam Kakitangan Kabin (AIKK).

Pada 1978, ia telah mengubah namanya menjadi Jawatankuasa Musafir dan kini mempunyai 297 anggota yang terdiri dari para pelayan dan lain-lain kakitangan kabin kapal terbang.

Semasa berucap di majlis penyampaian itu, Encik Noor melahirkan harapan agar para anggota badan tersebut turut menyertai segala kegiatan yang dianjurkan oleh badan itu dan mengambil berat terhadap masa depannya.

Latihan
30 JUL 1983
silat
PENCAK SILAT
dihenti

KAMI merujuk kepada surat 'Penduduk Queens Crescent' mengenai tegurannya terhadap latihan silat di masjid (tersiar 16.7.83).

Untuk makluman beliau, kami telah menghubungi Setiausaha Jawatankuasa Pentadbir masjid yang berkenaan dan kami diberitahu latihan silat, hadrah dan kompang di masjid tersebut telah dihentikan sejak Mei lalu dan tidak akan diadakan lagi.

Aliman Hassan,
Pegawai Perhubungan
Awam,
b/p Setiausaha Muis.